

~~605 - 224/80~~

UCAPAN YAB DATO HUSSEIN ONN,
SEMASA MENGGULONG PERBAHASAN
DI PERHIMPUNAN AGONG UMNO YANG KE-
31 DI NIRWANA BALLROOM, HOTEL HILTON
KUALA LUMPUR PADA 6HB. JULAI 1980

~~Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.~~

1. Yang Berhormat ^{Dato} Pengerusi ~~Majlis~~, dan

~~Yang Amat Berhormat Datuk Sri Dr. Mahathir
Timbalan Presiden,~~

~~Yang Berhormat Naib-Naib Presiden,~~

~~Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO,~~

2. Para Perwakilan, *sekalian.*

~~Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.~~

~~Bismillahi Rahmanir Rahim.~~

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan taufik dan hidayahNYA, kita telah dapat bersama-sama menjayakan Perhimpunan Agung UMNO yang Ke-31 ini.

...2/-

2.

2. Saya tidaklah berhajat hendak menjawab, satu persatu, perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Setengah-setengah isu yang dibangkitkan, telahpun dijawab oleh rakan-rakan saya. Oleh itu, saya akan menyentuhnya secara menyeluruh.

...3/-

3.

3. Sebelum saya mengemukakan pandangan dan jawapan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan, saya terlebih dahulu ^{*hendak*} mengucapkan tahniah kepada Ketua-ketua dan Naib-naib Ketua, serta lain ahli-ahli Exco, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita, yang telah dipilih.

...4/-

4.

4. Perbahasan yang telah diadakan selama tiga hari, di atas usul-usul yang telah dikemukakan, merupakan sumbangan yang besar kepada perjuangan Parti. Di dalam suasana yang "serious", dan disulami dengan gelak ketawa, kita telah berjaya membincangkan isu-isu yang penting, serta melahirkan pandangan dan pendapat kita, secara jujur dan berterus terang. Kita telah dapat menumpukan sepenuh perhatian kita, kepada isu-isu yang penting, yang melibatkan perjuangan Parti kita, dan kepentingan masyarakat Melayu amnya. Kepada semua perwakilan

...5/-

5.

yang telah menyumbangkan pandangan dan pendapat mereka, serta mengemukakan syor-syor yang membina, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan. Semua pandangan, pendapat dan syor-syor ini, telah diambil ingatan.

Tindakan yang sewajarnya akan diambil.

... 6/-

6.

5. Saya merasa amat terharu dengan semangat dan minat, serta faham di atas kebimbangan yang telah dilahirkan oleh para perwakilan. Semangat, minat dan kebimbangan ini, telah meningkatkan lagi hasrat dan azam saya, dan rakan-rakan saya di dalam Kerajaan, terhadap tanggungjawab dan kewajipan kami. Sukalah saya memberi jaminan, bahawa pucok pimpinan, akan menunai dan melaksanakan segala tugasnya, dengan semangat penuh dedikasi, serta dengan lebih bersungguh-sungguh, sejajar dengan hasrat dan aspirasi ahli-ahli Parti

... 7/-

7.

khasnya, dan rakyat amnya. Saya menganggap, bahwa semua sungutan dan kritik yang dilahirkan, telah dikemukakan secara jujur dan ikhlas, dengan tujuan memperkuat lagi perjuangan Parti di masa-masa yang akan datang.

... 8/-

6. Di dalam ucapan dasar saya, saya
telah menjunjung sembah, bagi pihak Perhimpunan
Agung ini, serta bagi seluruh ahli-ahli UMNO,
mengucapkan tahniah Ke bawah Duli Yang Maha
Mulia, Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan
Agung, sempena Istiadat Pertabalan Baginda.
hendak
Saya/memaklumkan, bahawa semalam, saya
telah menerima sepucok warkah daripada Seri
Paduka Baginda, menyampaikan rasa terharu,
penghargaan dan ucapan terimakasih Seri
Paduka Baginda, di atas ingatan kita itu.

9.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Di dalam ucapan dasar, saya telah juga menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan politik, konvensyen UMNO, ekonomi, pembasmian kemiskinan, perbadanan awam, jentera pelaksanaan, pelajaran, ugama, dasar luar, pertahanan dan peranan Parti. Pada hemat saya, perkara-perkara ini adalah diantara perkara-perkara yang penting pada masa ini, yang harus diberi perhatian. Ini tidak pula bermakna

.....10/-

10.

-bahawa perkara-perkara yang tidak disentuh,
misalnya, dadah dan dasar kebudayaan
kebangsaan, merupakan perkara yang kecil
atau dipandang ringan. Kedua-dua perkara
yang penting ini, memang sudah mempunyai
dasarnya dan sentiasa diambil berat oleh
Kerajaan.

...11/-

11.

8. Masalah dadah memang telah selalu diperkatakan, kerana ia merupakan satu ancaman kepada ketahanan negara. Ia boleh melemahkan semangat individu dan masyarakat, dan seterusnya ketahanan kita. Kerajaan telah berulang-kali menegaskan, keburukan dan bahaya dadah kepada masyarakat dan negara. Kerajaan telah mengambil berbagai tindakan bagi mengatasi masalah yang "serious" ini. Diantara tindakan yang telah diambil, ialah menubuh dan memperkukuhkan

...12/-

12.

lagi Biro Narkotik Negara, menggalak dan memberi sokongan kepada Pemadam untuk meluas dan mengembangkan kegiatan-kegiatannya, menambahkan bilangan pusat-pusat pemulihan dadah, dan seterusnya mengambil tindakan yang keras, terhadap mereka yang terlibat dalam penyalah-gunaan dadah, termasuklah mengenakan hukuman mati kepada pengedar-pengedar dadah, yang didapati sabit melakukan kesalahan ini.

.....13/-

9. Mengenai dengan Dasar Kebudayaan
Kebangsaan, asas yang kukuh telahpun diwujudkan,
dengan berpandukan kepada keputusan-keputusan
Kongres Kebudayaan Kebangsaan tahun 1971.

Diantara persetujuan Kongres, ialah:

- (i) Kebudayaan Kebangsaan adalah ber-
teraskan kepada kebudayaan rakyat asal
rantau ini;
- (ii) Islam adalah menjadi unsur terpenting;
dan
- (iii) Di mana-mana yang sesuai dan wajar,
unsur-unsur kebudayaan asing disesuaikan

14.

kepada Kebudayaan Kebangsaan.

10. Asas-asas kebudayaan kebangsaan, seperti yang saya sebutkan itu, adalah perkara yang terpenting, di dalam usaha memperkukuhkan perpaduan dan ketahanan negara. Hakikat ini, hendaklah difahami oleh semua lapisan rakyat, dan perkara ini tidak harus dipertikaikan lagi.

...15/-

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Pada hemat saya, Perhimpunan ini telah berjaya mengemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat, khasnya ahli-ahli Parti, dan masyarakat Melayu amnya, disamping melahirkan perasaan bimbang dan kecurigaan ahli-ahli UMNO dan masyarakat Melayu, jika masalah-masalah tersebut tidak di atasi dan diselesaikan.

Setengah-setengah daripada pandangan, telah disuarakan oleh para perwakilan, dengan semangat penuh perasaan dan berapi-api. UMNO, sebagai

Parti yang mendukung Kerajaan, adalah bertanggung-

jawab melindungi hak-hak dan kepentingan masyarakat Melayu. Tetapi, dalam memperjuangkan kepentingan ini, UMNO tidak perlu melaung-laungkan kekuatan kita, atau pengaruh kuasa kita, sehingga boleh menakut-nakutkan rakyat dari lain-lain kaum, atau menimbulkan kebimbangan mereka itu. Sebagai Parti yang bertanggungjawab, UMNO mestilah juga sedar terhadap kewajipannya, mengekal dan memelihara kesetabilan politik, keselamatan dan keamanan. Sikap bertanggungjawab Parti kita, serta kesedaran Parti kita, terhadap kepentingan dan kebajikan rakyat lain-lain kaum, telah membolehkan kita berjaya mengekalkan kedudukan UMNO, selama ini, sebagai Parti teras Kerajaan. ..17/-

12. Dalam memperjuangkan hak-hak dan kepentingan masyarakat Melayu, UMNO yang memegang teraju Kerajaan, juga bertanggungjawab terhadap kepentingan keseluruhan rakyat negara ini. Hakikat inilah, yang menjadi salah satu faktor yang penting, yang memberi keutuhan dan kekukuhan kepada kita, sebagai Parti yang memerintah, bersama-sama dengan rakan-rakan ^{kita} di dalam Barisan Nasional. Kematangan dan sikap bertanggungjawab kita inilah, yang menjadikan kita disegani, dihormati dan diberi kepercayaan.

13. Semenjak ditubuhkan, UMNO telah dapat melahirkan pemimpin-pemimpin yang matang, bertanggungjawab, pragmatis, bersopan-santun, serta yang berpandangan luas dan jauh. Ini adalah hasil dari kematangan ahli-ahli, dan sistem pemilihan kepimpinan, sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan dan peraturan Parti. Ini adalah asas kejayaan kita, yang telah membolehkan kita, mengekalkan pengaruh dan kekuatan Parti kita. Kita mesti sentiasa sedar di atas hakikat ini. Pada hemat saya, falsafah kepimpinan yang telah kita amalkan selama ini, perlu dikekalkan, bagi menjamin keutuhan dan perpaduan UMNO. Terpulanglah kepada kebijaksanaan

ahli-ahli UMNO sendiri, bagi menentukan sama ada hendak terus mengekalkan cara dan perwatakan ini.

14. Dalam pemilihan pemimpin Pergerakan Pemuda dan Wanita, mungkin ada pihak-pihak yang berpendapat, bahawa terdapat titek-titek perpecahan di dalam parti. Persaingan pasti berlaku di dalam pemilihan pemimpin di dalam sistem demokrasi Parti. Tetapi, sebagaimana yang menjadi tradisi Parti kita, persaingan lazimnya berakhir setelah keputusan diumumkan. Selepas itu, semua ahli dan penyokong Parti kembali bekerjasama, bagi meneruskan perjuangan Parti.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

15. Akhirnya, saya mengucapkan terimakasih dan penghargaan kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, di atas sumbangan mereka dalam bersama-sama menjayakan Perhimpunan Agung ini. Kepada Setiausaha Agung UMNO, dan lain-lain pegawai kakitangan Ibu Pejabat UMNO, serta mereka yang terlibat dalam Perhimpunan Agung ini, saya bagi pihak seluruh perwakilan, mengucapkan terimakasih dan penghargaan. Sehingga kita berjumpa lagi di tahun hadapan, saya serta lain-lain Ahli Majlis

21.

Tertinggi, mendoakan para perwakilan sekalian
selamat pulang ke tempat masing-masing.



Wabiilahi Taufik,

Walhidayah

Wassalamu alaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh.





No Siri	494
No Penerimaan	166/80